

MEDIUM PDPR HAFAZAN AL-QURAN SEMASA COVID-19: ANALISIS PENGGUNAAN TEKNOLOGI DI KALANGAN PELAJAR DI UNIVERSITI AWAN DAN SWASTA

DR.HAYATI HUSSIN(USIM)
DR.ABDUL RAHIM AHMAD(UKM)
DR. MUHAMMAD HAFIZ SALEH (USIM)
NOOR HAFIZAH MOHD. HARIDI(KUIS)

ABSTRAK

Mutakhir ini seluruh dunia diuji dengan wabak covid-19 yang kesannya sehigga ke hari ini. Selain daripada ekonomi yang terjejas wabak ini turut memberi impak dari pelbagai aspek di antaranya ialah perubahan dan kesihatan, sosial komuniti, pelancongan dan perjalanan, psikologi dan kesihatan mental serta turut memberi kesan yang jelas dalam sektor pendidikan dan pengajian tinggi,. Kaedah pembelajaran secara bersemuka ditukarkan kepada kaedah pembelajaran secara atas talian atau maya. Kewujudan virus COVID-19 seakan-akan mengasak masyarakat dunia termasuk Malaysia ke arah penggunaan teknologi secara lebih menyeluruh yang secara tidak langsung menyebabkan satu lonjakan digital di Malaysia. Penggunaan teknologi telah banyak digunakan dalam kehidupan seharian. di mana keberadaannya bertindak sebagai media atau alat untuk kegiatan dalam pelbagai bidang seperti dalam bidang pendidikan, penyelidikan, perniagaan, sosial, dan sebagainya. Terdapat beberapa aplikasi yang sering digunakan di dalam kehidupan seharian adalah telefon bimbit, Cakera padat untuk penyimpanan data, komputer, dan sebagainya. Justeru kertas kerja ini bertujuan untuk menerokai medium teknologi yang digunakan oleh para pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran subjek hafazan al-Quran di Universiti Awam dan Swasta. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pemerhatian dan analisa dokumen berkaitan medium teknologi dalam subjek Hafazan al-Quran di beberapa Universiti Awam dan swasta. Hasil kajian mendapati terdapat banyak medium teknologi yang digunakan oleh para pelajar dalam sesi pdpr semasa covid-19. Medium teknologi tersebut di antaranya ialah aplikasi google meet, aplikasi zoom, aplikasi whatsapp melalui video call, aplikasi teams dan goals, aplikasi telegram, google classroom dan aplikasi youtube yang telah digunakan dalam sesi pdpr bagi kursus hafazan al-Quran. Kepelbagaian medium teknologi yang digunakan ini dapat membentuk Pengajaran dan Pembelajaran pengajian tahfiz menjadi lebih efektif, menarik dan sesuai dengan perkembangan dan kehendak pembelajaran semasa Covid-19. Kajian ini memberi implikasi penting kepada Universiti Awam dan Swasta serta Intitusi pengajian Tahfiz di Malaysia secara umumnya ke arah pembentukan generasi al-Quran yang lebih mantap dan berkualiti.

Kata kunci: Medium, teknologi, hafazan, al-Quran, Universiti Awan, Universiti Swasta.

PENGENALAN

Al-Quran al-Karim merupakan mukjizat teragung yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad s.a.w. dan umatnya. Justeru salah satu legasi penjagaan al-Quran yang diwariskan oleh Nabi Muhammad s.a.w iaitu dengan cara menghafaz keseluruhan ayat-ayatnya. Pendekatan pengajaran al-Quran dilakukan pada masa baginda secara hafazan yang telah diaplikasikan oleh Malaikat Jibrail di dalam mengajar al-Quran kepada Nabi Muhammad s.a.w. Justeru pendidikan tahfiz al-Quran merupakan pendidikan yang terawal di dalam sejarah pendidikan Islam. Hafazan pula menjadi kaedah yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w dalam mengajar al-Quran kepada para sahabat. (Al-Habash, 1987).

Kaedah pembelajaran tahfiz merupakan salah satu proses dalam pembelajaran tahfiz. Al-Qabisi (1955) menjelaskan kaedah pembelajaran tahfiz menggunakan kaedah talqin (mengajar), takrar (latih tubi), al-mail (cintakan al-Quran) dan al-fahm (kefahaman). Beliau juga menyarankan agar teknik yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini ialah teknik menggunakan kepelbagaian pancaindera antaranya mendengar, melihat, membaca dan menulis. Al-Qabisi (1955) juga menjelaskan teknik penilaian di dalam pengajaran dan pembelajaran tahfiz ini seharusnya berlaku dalam bentuk penilaian harian, mingguan, dan penilaian akhir.

Covid-19 yang tercetus di China pada awalnya kini semakin merebak ke seluruh dunia termasuk Malaysia sekali gus menyebabkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan penyakit tersebut sebagai wabak dunia. Rakyat Malaysia turut merasai kesan penularan wabak tersebut malah gelisah terhadap kesihatan awam secara keseluruhannya. Memandangkan kes wabak tersebut kian meningkat, kerajaan negara-negara yang dilanda Covid-19 telah mengisytiharkan perintah berkurung (*lockdown*) iaitu situasi di mana rakyat tidak digalakkan keluar rumah malahan acara-acara yang melibatkan perhimpunan orang ramai turut dibatalkan (<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/utamakan-isu-covid-19-berbanding-kuota-menteri-233869>).

Statistik ini menunjukkan peningkatan wabak Covid-19 dari hari ke hari jika tiada sebarang tindakan dan usaha proaktif dilakukan oleh semua pihak. Tempoh perintah berkurung (*lockdown*) yang dilaksanakan wajib dipatuhi oleh semua lapisan masyarakat dengan serius. Wabak ini secara tidak

langsung mendatangkan kesan yang serius di kalangan masyarakat seluruh dunia. Secara umumnya terdapat lima kesan rantaian ekonomi yang terjejas dengan penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia, dan juga turut menjejaskan ekonomi Malaysia (<https://harakahdaily.net/index.php/2020/03/20/impak-ekonomi-covid-19/>).

Kemajuan teknologi masa kini telah berkembang dengan pesat. Perkembangan ini juga mempengaruhi kaedah pengajaran dan pembelajaran aliran tahfiz yang diterap adalah secara bersemuka dan secara atas talian. Pada dahulunya kaedah ini terpisah di mana pelajar sepenuh masa akan menggunakan pendekatan sistem bersemuka, manakala pelajar pengajian jarak jauh akan menggunakan sistem pembelajaran atas talian (Hanafi, 2008). Walaubagaimanapun inovasi kaedah ini telah mula berlaku, di mana kedua-dua kaedah pembelajaran ini telah digabungkan. Gabungan kaedah pembelajaran ini dinamakan pembelajaran hibrid (hybrid learning). Kaedah hibrid dalam aliran tahfiz sesuatu yang baharu kerana ianya seolah-olah berbeza dengan kaedah hafazan legasi Nabi Muhammad s.a.w. yang diperolehi secara bersemuka (talaqqi) daripada guru.

Menurut Prof Madya Dr Fariza Puteh-Behak beliau berkata :”Penggunaan teknologi pada peringkat pendidikan tinggi bukanlah sesuatu yang baharu di negara kita. Ia telah banyak dibincangkan sejak tahun 2013 lagi. Namun, kehadiran virus COVID-19 seakan-akan mengasak masyarakat dunia termasuk Malaysia ke arah penggunaan teknologi digital secara lebih menyeluruh yang secara tidak langsung menyebabkan satu lonjakan digital di Malaysia”. (<https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1934589>)

Tasmik hafazan al-Quran adalah satu kaedah yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Proses ini dijalankan secara bermuka atau “face to face”. Dalam pengajaran al-Quran, pelajar diminta untuk membaca atau menghafaz dan guru mendengar bacaan tersebut. Kaedah tasmik bacaan ayat al-Quran sesuai digunakan bagi ayat-ayat tilawah dan hafazan. Biasanya pelajar diminta membaca ayat al-Quran di hadapan guru. Jika terdapat kesalahan, guru akan memperbetulkan secara langsung. Selepas itu pelajar akan ditanya tentang hukum-hukum bacaan atau tajwid dan maksud tanda-tanda bacaan dalam ayatayat yang dibaca. Melalui aktiviti tasmik secara bersemuka, guru dapat mengetahui pencapaian pelajar, mengenal pasti tahap pencapaian, menyedarkan tentang kesilapan bacaan,

meningkatkan kefahaman dan kemahiran individu seterusnya mengklasifikasikan pelajar berdasarkan pencapaian. Sewaktu pasca pandemik COVID-19, pengajaran dan pembelajaran tasmik al-Quran tidak dapat dijalankan secara bersemuka. Alternatifnya, tasmik dijalankan secara atas talian. Namun terdapat beberapa cabaran yang harus dihadapi. Antaranya, pelajar tidak dapat memfokuskan pembetulan yang dibuat oleh guru dan guru tidak dapat mendengar dengan jelas bacaan pelajar serta masalah kebolehcapaian internet.(Ashraf Ismail,Khazri Osman,Nurul Huda Hassan)


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode pemerhatian dan analisis dokumen. Bahan-bahan kajian diperolehi daripada pemerhatian melalui google form yang diedarkan kepada 44 orang pelajar berkaitan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PDPR) bagi kursus hafazan yang di tawarkan di beberapa Universiti Awam seperti Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPG) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang menggunakan aplikasi teknologi bagi kursus hafazan ini. Di samping itu maklumat-maklumat daripada laman sesawang yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dalam pembelajaran tahfiz juga turut menjadi rujukan data bagi artikel ini.

KAJIAN LEPAS

Berdasarkan maklumat dan aplikasi-aplikasi daripada internet, kajian khusus ataupun umum berkenaan kertas kerja yang dibentangkan terdapat beberapa kajian terdahulu yang boleh dijadikan panduan berkaitan tajuk yang sedang dikaji. Kajian-kajian tersebut penting untuk dijadikan bahan rujukan serta asas dalam artikel yang ditulis. Di antara kajian-kajian lepas yang menjadi rujukan di dalam artikel ini ialah:

PERTAMA: APLIKASI EZ-HIFZ



Aplikasi hafalan Al-Quran yang direka bentuk dengan elemen kandungan multimedia yang mengintegrasikan teknik mengingat dan gaya pembelajaran VARK (Visual, Auditory, Reading, Kinesthetic) yang menyokong penggunaan kepelbagaian pancaindera. Aplikasi ini merupakan gabungan adaptasi teori kognitif pembelajaran multimedia dan model gaya pembelajaran VARK. Ini menjadi asas kepada pembentukan kandungan aplikasi tersebut.

Teknik menghafal yang digabungkan dengan gaya pembelajaran VARK membantu proses hafalan Al-Quran dengan lebih lancar. Antara ciri-ciri unik daripada aplikasi ini adalah pengguna bebas memilih gaya pembelajaran VARK mengikut kecenderungan masing-masing untuk menghafal Al-Quran dan menyemak status prestasi hafalan mereka. Kandungan aplikasi ini fleksibel bagi pengguna untuk memilih daripada mana-mana kombinasi gaya pembelajaran VARK sama ada secara uni-modality atau multi-modality. (<https://www.usim.edu.my/ms/berita/ezhifz-aplikasi-mudahkan-teknik-hafalan-quran/>)

KEDUA: APLIKASI HUFFAZ-M



Kajian yang dijalankan penyelidik Universiti Malaysia Pahang (UMP) terhadap peratusan pelajar yang tinggi mengambil Sijil Tahfiz Malaysia (STM) berbanding peratusan yang lulus agak kecil serta melihat kepada kaedah tradisional yang masih menjadi metod utama di tahfiz-tahfiz persendirian menimbulkan idea bagi penghasilan Huffaz-M yang merupakan salah satu teknologi alat bantuan bagi proses hafazan. Pensyarah Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan (PBMSK), Dr Rashidi Abbas berkata, Huffaz-M merupakan salah satu kaedah hafazan berbantuan aplikasi teknologi terkini untuk mengekalkan hafazan. Aplikasi Huffaz-M ini juga meningkatkan proses hafazan secara berkesan untuk tiga kaedah iaitu hafazan baru (dars jadid), mengekalkan hafazan lepas (sabiq) dan mengulang-ulang bacaan (taqrir atau murajaah). Ketika ini hanya ada dua surah iaitu Al-Mulk dan Al-Waqiah, ia dalam proses untuk dibangunkan lagi dan selain itu ada juga kit panduan hafazan yang mempunyai cakera padat (CD) serta buku rujukan semua. (<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/221021/huffaz-m-bantu-mudahkan-hafal-al-quran>).

KETIGA: APLIKASI SMART AL-QURAN MEMORIZATION (SMART AL-Q)



Aplikasi ini dibangun oleh seorang guru tahfiz yang bernama Ismail Salleh berumur 37 tahun. Beliau berasal dari Pedu Kuala Nerang, Kedah. Mempunyai pengalaman mengajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dalam subjek Hifz al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Kedah.

Aplikasi yang dibangun itu merupakan hasil kajian untuk tesis sarjana dalam Pendidikan di Universiti Utara Malaysia (UUM). Menurut Ismail beliau berkata: “Aplikasi ini saya guna Adobe Flash CS6 dengan ActionScript 3.0 berdasarkan model ADDIE bagi meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran hifz (menjaga dan memelihara) al-Quran berdasarkan teori pengajaran al-Qabisi, iaitu seorang ulama Islam. Menurutnya lagi: “Saya bangunkan aplikasi ini berdasarkan teori pengajaran al-

Qabisi yang menekankan konsep pembelajaran hafazan menggunakan pancaindera seperti dengar, talaqi (baca), hafaz dan tasmik". (<https://www.gpsbestari.com/mobile/berita/selangor/sekolah-tahfiz-perlu-guna-smart-al-q-inovasi-guru-al-quran-ini-yang-menang-peringkat-antarabangsa-1.932173>)

KEEMPAT: TSMIK



Applikasi ini cuba memudahkan pembelajaran Al-Quran bagi pelajar dan guru atau penyemak. Tidak perlu di tempat sama. Mengaji al-Quran di mana-mana.

Terdapat 3 Cara penggunaan ialah untuk ibubapa, guru dan pelajar. Sebagai contoh pengguna ibubapa. Bagi ibubapa yang ingin menyemak bacaan anak mestilah install app di peranti anak, lancar app kemudian pilih email anak diikuti dengan memilih pelajar. Sila tetapkan email ibubapa sebagai guru atau penyemak dan pilih surah diikuti rakam kemudian menghantar bacaan. Install app di peranti ibu bapa, lancar app, pilih email ibu bapa, pilih peranan "ibu bapa" dan tambah email anak, pilih bacaan anak, semak dan rakam serta hantar untuk anak mendengar ulasan.

(<https://play.google.com/store/apps/details?id=com.kedai.tasmik&hl=ms&gl=US>).

KELIMA: APLIKASI EZ-WARSH

Ez-Warsh merupakan perisian yang dibangunkan bagi menyambung kelestarian pembelajaran secara konvensional. Al-Quran yang diturunkan kepada kita mestilah dipelajarinya hanya dengan cara berguru iaitu metode talaqqi dan musyafahah. Walaubagaimanapun ianya tidaklah menolak cara pembelajaran secara sendiri. Salah satu daripada pembelajaran sendiri adalah melalui Mobile learning (M-Learning). M-Learning lebih bersifat kepada pembelajaran sendiri yang menggunakan alat mudah alih seperti telefon bimbit.

Ez-Warsh adalah perisian qiraat bagi riwayat warsh yang berasaskan gaya pembelajaran VAR (visual, auditory, reading). Ia menekankan penggunaan kepelbagaian berdasarkan pancaindera berdasarkan kecenderungan gaya pembelajaran VAR. Aplikasi ini dapat membantu pelajar menguasai manhaj warsh setelah menerima secara konvensional daripada pengajar kemudian dapat diulangkaji secara sendiri dengan menggunakan aplikasi ini. Aplikasi ini di berfungsi sebagai Alat bantu qiraat (ABQ) yang dibangunkan berasaskan gaya pembelajaran VAR. Ez-Warsh dimulakan dengan paparan pengenalan. Di dalam pengenalan terdapat 3 button yang tertera iaitu button definisi, warsh dan spesifikasi. Apabila pengguna menekan button definisi mereka dapat maklumat berkaitan maksud ilmu qiraat dari sudut bahasa dan istilah. Kemudian jika mereka menekan button warsh biodata ringkas berkaitan warsh akan dipaparkan. Terdapat juga button spesifikasi yang menerangkan tentang pembangunan aplikasi android EZ-Warsh ini.



PERBINCANGAN: MEDIUM PDPR HAFAZAN AL-QURAN SEMASA COVID-19.

Menurut Ashraf Ismail & Etl: “Dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 dan kini Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPD) bagi zon merah, proses pengajaran dan pembelajaran tetap berlaku. Semua yang bergelar guru mesti mengakui bahawa sistem pendidikan di kala pandemik ini tidak boleh terhenti begitu sahaja biarpun terdapat halangan bersemuka atau belajar secara konvensional. Inilah yang dikatakan norma baru dalam dunia pendidikan kini. Di sebalik ketiadaan pembelajaran formal dalam kelas atau dewan kuliah, terdapat inisiatif melaksanakan sesi atau aktiviti pembelajaran secara digital. Bagi tenaga pengajar di IPT, pembelajaran teradun (blended learning) sememangnya lama dipraktikkan memandangkan pelajar agak matang dan boleh berdikari. Namun tidak semua ilmu yang disampaikan melalui atas talian berkesan (Zetty 2020)”.

Pembelajaran teradun telah didefinisikan dalam beberapa cara dan pelbagai maksud. Ia digunakan secara tukar ganti dengan pembelajaran jarak jauh, pembelajaran dalam talian, e-pembelajaran, pengajaran bercampur, pembelajaran fleksibel dan juga pembelajaran hibrid. Secara etimologi, istilah Blended Learning ini terdiri dari dua perkataan iaitu blend dan learn. Menurut Kamus Dewan Edisi Ke 4, blend bermaksud campuran, mengadun atau kombinasi manakala learn pula membawa maksud belajar. Dari kedua-dua istilah tersebut dapat difahami bahawa konsep blended learning ini merupakan pola pembelajaran yang mengandungi unsur percampuran atau penggabungan antara satu pola dengan pola pembelajaran yang lain. Blended learning adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang

menggabungkan kaedah konvensional iaitu secara bersemuka dan juga menggunakan pembelajaran maya melalui dalam talian di mana sahaja pada masa terluang dan boleh dirujuk pada bila-bila masa.

Manakala menurut Rooney (2003), blended learning merupakan satu konsep pembelajaran hibrid iaitu dengan mengintegrasikan elemen-elemen e-pembelajaran dalam kelas tradisional. Terdapat ahli penyelidikan lain memberi pendapat lebih luas berkenaan blended learning ini seperti Whitelock & Jefts (2003) menyatakan blended learning merupakan satu gabungan bersepadu pembelajaran tradisional (face-to-face) dengan pendekatan web dalam talian, gabungan media dan alat-alat yang digunakan dalam persekitaran e-pembelajaran dan juga gabungan beberapa pendekatan pedagogi tanpa mengira pembelajaran penggunaan teknologi.

Menurut Amani Nawi & Umi Hamidaton, “Sejak wabak COVID-19 melanda dunia, semua institusi-institusi pendidikan tinggi di seluruh negara telah melaksanakan kaedah pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian supaya para pelajar dapat meneruskan proses pengajian seperti biasa bagi mengelakkan penangguhan pengajian memandangkan semester semasa masih berlangsung. Dianggarkan bahawa lebih 421 juta pelajar telah terjejas akibat penutupan institusi pengajian melibatkan 39 buah negara manakala 22 negara mengambil keputusan untuk menutup sebahagian daripada operasi pengajian tempatan mereka (Tam & El Azhar 2020). Dalam hal ini, negara Malaysia tidak terkecuali dalam melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam talian akibat penularan pandemik COVID-19.

Pelbagai alternatif pembelajaran bagi kursus-kursus yang ditawarkan termasuklah kursus hafazan al-Quran yang digunakan ketika pasca penularan Covid-19. Berdasarkan daripada hasil kajian yang telah dibuat di Universiti Awam dan Swasta dapatlah disimpulkan bahawa pembelajaran hafazan al-Quran pasca Covid-19 menggunakan pelbagai medium teknologi bagi memastikan kesinambungan kursus hafazan al-Quran ini berterusan sehingga ke suatu masa yang membolehkan pengajaran dan pembelajaran dijalankan normal seperti sedia kala. Sesuai dengan perkembangan teknologi semasa yang menawarkan pelbagai medium, ia sewajarnya dimanipulasi agar objektif kursus hafazan al-Quran dapat dijayakan melalui teknologi yang pelbagai. Di antara Teknologi yang di gunakan dalam hafazan al-Quran ialah:

APLIKASI GOOGLE MEET

Melalui hasil dapatan kajian yang diperolehi penggunaan aplikasi Google Meet paling banyak digunakan oleh pelajar sebagai medium pembelajaran segerak di Universiti Awam dan juga swasta..Aplikasi ini turut digunakan di USIM, IPG Bangi dan KUIS di dalam kursus-kursus hafazan al-Quran yang ditawarkan.




APLIKASI WHATSAPP (VIDEO CALL)

Hasil kajian mendapati penggunaan aplikasi Whatsapp melalui video call banyak digunakan sebagai medium pembelajaran segerak di Universiti Awam dan juga Universiti Swasta..Aplikasi ini turut digunakan oleh pelajar USIM, IPG Bangi dan KUIS di dalam kursus-kursus hafazan al-Quran yang ditawarkan.



MICROSOFT TEAMS DAN GOALS

Hasil kajian mendapati penggunaan aplikasi Microsoft Teams dan goals sebagai medium utama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran segerak di USIM. Aplikasi ini turut digunakan oleh semua pelajar USIM di dalam kursus-kursus yang diambil termasuklah kursus hafazan al-Quran.



APLIKASI TELEGRAM

Hasil kajian mendapati penggunaan aplikasi telegram juga turut digunakan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran di Universiti Awam dan Swasta. Aplikasi ini digunakan oleh pelajar di USIM dan KUIS di dalam kursus hafazan al-Quran.



APLIKASI GOOGLE CLASSROOM

Melalui kajian yang telah dijalankan terdapat juga Universiti Awam yang mengguna aplikasi Classroom sebagai medium pengajaran dan pembelajaran dalam kursus hafazan al-Quran. Walaubagaimanapun aplikasi ini hanya digunakan oleh segelintir sahaja dari kalangan pelajar di USIM dan IPG Bangi.



APLIKASI YOUTUBE

Melalui kajian yang telah dijalankan terdapat juga Universiti Awam yang mengguna aplikasi Youtube sebagai medium pembelajaran dalam kursus hafazan al-Quran. Penggunaan aplikasi ini digunakan bagi tujuan untuk merekodkan hafazan bagi kursus hafazan yang ditawarkan. Walaubagaimanapun aplikasi ini hanya digunakan oleh segelintir sahaja dari kalangan pelajar di USIM dan IPG Bangi.



KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sebagai kesimpulan terdapat kelebihan dan kekurangan terhadap medium teknologi di dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) bagi kursus hafazan al-Quran. Di antara kelebihan berdasarkan hasil pemerhatian terhadap pelajar di Universiti Awam dan Swasta di dalam menggunakan medium teknologi ini ialah pengajian al-Quran menjadi lebih fleksibel, dapat digunakan di mana sahaja, kurang berdebar apabila merakam hafazan, dapat berhubung secara atas talian dan tidak perlu bersemuka walaupun pada jarak yang jauh, memudahkan pelajar untuk tasmik hafazan dengan pensyarah, lebih mudah memberi tumpuan kerana skrin luas, dapat dilaksanakan walaupun guru dan pelajar berjauhan, dan boleh dilaksanakan bila-bila masa dikehendaki, pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan walau di mana kita berada sekaligus tidak membuang masa sepanjang pandemik dan mudah berhubung dengan guru tasmik. Walaubagaimanapun pelajar memberi respon terhadap kekurangan penggunaan medium teknologi di dalam pengajaran dan pembelajaran kursus hafazan seperti rangkaian internet yang tidak jelas, internet kurang membantu, tidak dapat memantau pelajar, capaian internet yang tidak stabil, talian internet yang tidak memuaskan menyebabkan bacaan hafazan kurang jelas, masalah rangkaian internet yang perlahan, cabaran untuk mengulang, gangguan internet tetapi tidak kerap, masalah disiplin, sukar pemantauan pelajar, talaqqi musyafahah kurang efisien, ketiadaan peranti semasa pengajaran al-Quran terutamanya golongan yang tidak berkemampuan untuk membeli peranti ataupun data, capaian internet yang lambat, tiada suasana pengajian dan mudah mengantuk dan sukar untuk mendengar dan memperbetulkan sebutan huruf dan bacaan hafazan.

Pelaksanaan tasmik melalui medium teknologi dalam PdPR hafazan al-Quran amat memerlukan kesabaran yang tinggi dari pihak pelajar, pensyarah, dan ibubapa. Pelaksanaan tasmik secara berterusan perlu dilaksanakan dengan pelbagai alternatif walau dalam apa situasi bagi memastikan

proses hafazan dan ulangan tetap berjalan. Proses pembelajaran hafazan al-Quran memerlukan kerjasama dari semua pihak iaitu pelajar, pensyarah, dan ibubapa. Kepelbagaian medium teknologi perlu dilihat dari sudut yang positif kerana proses pembelajaran dan penjagaan hafalan al-Qarun lebih bersifat sendiri yang perlu dijaga sehingga ke akhir ayat.

RUJUKAN

Hamdi Ishak , Siti Fatimah Mohd Maiyurid & Sabri Mohamad, 2021, Pengajaran tilawah al-quran murid sekolah rendah secara maya semasa pandemik covid-19 Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia hamdi@ukm.edu.my 1 , fatimahmaiurid@gmail.com 2 & sabri_m@ukm.edu.my 3. [TAMU-Vol-71-June-2021-50-57.pdf](#).

Ashraf Ismail, Khazri Osman, Nurul Huda binti Hassan, 2020, Cabaran Pengajaran Dan Pembelajaran Tasmik Hafazan Al-Quran Secara Atas Talian Sewaktu Pandemik Covid-19, Bicara Dakwah Kali Ke 21: Dakwah Dalam Talian Semasa Pandemik.

Amani Nawawi & Umi Hamidaton, 2020, Penerimaan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) Terhadap Penggunaan Microsoft Teams Sebagai Platform Pembelajaran – Satu Tinjauan, E-Proceeding : Seminar Antarabangsa Islam Dan Sains (SAIS 2020).

Nor Hidayati Mokhtar. 2020 Pembelajaran atas talian untuk pembelajaran sepanjang hayat. Ulasan Pakar UTM mengenai Isu Semasa Covid-19, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan UTM. Atas talian 1 Nov 2020. <https://news.utm.my/ms/2020/04/pembelajaran-atas-talian-untuk-pembelajaran-sepanjang-hayat/>

Roslinda Rosli. 2020. Pembelajaran Norma Baharu Tingkat Profesion Guru Berita Harian Online Ogos 11, 2020 @ 11:00am. Atas talian 29 Oktober. <https://www.bharian.com.my/Bicara-Dakwah-Kali-Ke-21-Dakwah-Dalam-Talian-Semasa-Pandemik-116-rencana/komentar/2020/08/719958/pembelajaran-norma-baharu-tingkatprofesion-guru>

Nor Musliza Mustafa, 2014, A Preliminary Study On Mobile Quranic Memorization For Remote Education Learning Using Rfid Technology: Kuis As A Study Case, Glit E-Journal Language Practice & Information Technology.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/utamakan-isu-covid-19-berbanding-kuota-menteri-233869>

<https://harakahdaily.net/index.php/2020/03/20/impak-ekonomi-covid-19/>

<https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/12/221021/huffaz-m-bantu-mudahkan-hafal-al-quran>

<https://www.gpsbestari.com/mobile/berita/selangor/sekolah-tahfiz-perlu-guna-smart-al-q-inovasi-guru-al-quran-ini-yang-menang-peringkat-antarabangsa-1.932173>

(<https://www.usim.edu.my/ms/berita/ezhifz-aplikasi-mudahkan-teknik-hafalan-quran/>)